

Headline	Natture Herbs terokai pasaran China		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	279,000
Page No	20	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	181 cm ²
Journalist	Connie S Monical	AdValue	RM 1,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,346



Natture Herbs terokai pasaran China

■ **CONNIE S MONICAL**

NATURE Herbs Industries & Marketing Sdn Bhd, pengeluar minuman buah Harra, Hajra berhasrat memasuki pasaran China menjelang hujung tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Azman Mohamad berkata, sejak berada di pasaran pada 2010, Hajra kini telah berada di Brunei menerusi ejen dan Singapura melalui Agro Bazaar.

"Kami juga mempunyai 20 hingga 30 ejen dan lapan stokis di seluruh negeri.

"Berikutan permintaan tinggi, kami mahu menambah sekurang-kurangnya 100 ejen dan stokis di setiap daerah pada masa akan datang," katanya kepada *Sinar Harian*.

Azman berkata, syarikatnya menerima permintaan tinggi bagi jualan atas talian (online), ejen dan stokis.

Katanya, setakat ini, pengeluaran produk masih mencukupi bagi pasaran tempatan dan eksport dengan pe-

ngeluaran purata 3,000 hingga 5,000 kotak sebulan.

Bagaimanapun, beliau berkata, permintaan akan meningkat mengikut musim yang mana mampu menjual purata RM100,000 sebulan.

Syarikat yang beroperasi di Gemas, Negeri Sembilan itu juga akan memulakan operasi pengeluaran di kilang baharu milik sendiri dalam tempoh dua bulan akan datang.

Mengulas lanjut berhubung produk, Azman berkata, Hajra adalah minuman kesihatan berasaskan buah belimbing gunung atau pokok Harra bagi membantu mengatasi masalah pembuangan angin dalam badan.

Menurutnya, Hajra mendapat maklum balas menggalakkan daripada pengguna apabila mampu membuang angin dalam tempoh 10 minit.

"Hajra adalah minuman tradisi turun temurun keluarga. Kami ber-

mula dengan menjual buah belimbing gunung yang dikeringkan.

"Melihat permintaan, kami terus menghasilkan ramuan minuman ini untuk dikomersialkan kepada pengguna," katanya.

Beliau berkata, pembangunan dan penyelidikan (R&D) produk dijalankan bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang turut melalui sehingga lapan ujian sebelum dijual dalam pasaran tempatan.

Katanya, produk itu selamat diminum oleh semua lapisan masyarakat sama ada wanita dan lelaki seawal satu tahun kerana tidak mempunyai bahan pengawet dan 100 peratus bahan semula jadi.

Natture Herbs turut memperoleh bahan mentah pokok Harra dari kawasan pedalaman di pantai timur.

Hajra dijual dengan harga RM35 sekotak.